

# BAB I

## PENDAHULUAN

### I.I- LATAR BELAKANG MASALAH

Semasa hayat baginda Rasulullah s.a.w., umat Islam awal telah mengecap zaman keemasan ikutan terhadap seluruh sunnah. Mereka mempunyai sandaran serta sumber agung yang diutuskan oleh Allah s.w.t. sebagai rahmat untuk sekalian alam. Keperitan dan perjuangan sebagai perintis seakan terbayar oleh kehidupan di bawah lembayung kenabian baginda. Baginda merupakan tempat rujukan utama, tempat untuk mengadu masalah dan bagindalah yang menjadi sumber inspirasi mereka untuk mempertahankan kesucian ‘aqidah Islamiyyah yang mereka imani.

Sudah menjadi sunnah alam, masa silih berganti, tahun berganti abad dan berlalu pergi seterusnya amat jauh meninggalkan sejarah lampau yang dilalui oleh mereka yang terdahulu. Cabaran dan dugaan masa kini juga berlainan. Cara hidup juga turut berubah mengikut peredaran masa. Pendek kata kehidupan manusia semakin jauh dari contoh teladan sebenar yang ditunjukkan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w.<sup>1</sup>

Amalan dan cara hidup kerohanian Islam telah menyaksikan pertumbuhan dan perkembangan yang baik sejak dari zaman baginda s.a.w., walaupun pada peringkat

<sup>1</sup> Anuar Al-Jundi, *Usaha-usaha Pemberatan Terhadap Islam*, Pustaka Ikhwan, Alor Setar, 1986, hal: 6

awalnya tidak mendapat perhatian khusus serta belum mempunyai identiti tersendiri secara jelas. Hingga hal selepas abad kedua Hijrah, ianya kian mendapat perhatian masyarakat Islam. Muncul berbagai-bagai aliran serta cara hidup kesufian dengan amalan dan latihan kerohanianya yang tersendiri.

Umat Islam di abad ini telah dinodai oleh pencemaran aqidah, penyelewengan fikrah dan kebiadaban akhlaq akibat dari penjajahan tanpa henti oleh Barat. Mereka melakukan berbagai-bagai usaha untuk menghancurkan Islam. Mereka juga telah menemui cara yang paling berkesan dalam usahanya, iaitu melalui penaklukan jiwa dan akal umat Islam dari dalam. *Al-Ghazwul al-Fikri* telah berjaya meranap dan menggugat seluruh sistem kemasyarakatan Islam, pendidikan, ekonomi, politik dan sebagainya sehingga terkeluar dari dasar-dasar aqidah yang tulin.<sup>2</sup>

Tariqat telah berkembang selari dengan kemajuan ilmu tasawuf. Maka lahirlah lebih ramai *syeikh mursyid* yang gigih memainkan peranan mengembangkan ajaran tasawuf. Demikianlah suasana perkembangan serta kepesatan ilmu tasawuf dan tariqat pada abad-abad seterusnya walaupun terpaksa menghadapi berbagai tribulasi. Lantaran itulah, ajaran dan pengamalannya telah sampai ke Nusantara amnya dan Tanah Melayu khasnya, juga telah mendapat sambutan yang baik kerana keserasian yang sedia ada dengan tabiat dan cara hidup masyarakat Nusantara yang dipenuhi adab kesopanan serta nilai-nilai yang tidak keterlaluan.

---

<sup>2</sup> *Ibid*, hal: 7

Kepesatan yang dialami sedikit sebanyak telah membawa padah akibat keadaan yang tidak terkawal. Terdapat berbagai aliran tariqat dan masing-masing mendakwa mereka lah ahli tasawuf. Banyak di antaranya yang diselewengkan lantas menyesatkan generasi semasa dan seterusnya, merebak dari satu tempat ke satu tempat tanpa dapat disekat oleh pihak berkuasa. Hingga sekarang ianya dikatakan telah dapat mempengaruhi umat Islam di Malaysia khasnya.

Isu mengenai ajaran sesat sering menjadi topik perbualan dan perbincangan masyarakat di Malaysia amnya sejak akhir-akhir ini. Begitu juga di daerah Besut yang dijadikan sebagai kajian kes penyelidik dari sudut persejarahannya. Kumpulan-kumpulan ajaran sesat sejak kebelakangan ini banyak menimbulkan kesulitan dan boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan awam.

### I.I.I -Latar belakang daerah Besut.

Besut merupakan sebuah daerah dalam negeri Terengganu yang terletak di bahagian utara, bersempadan dengan negeri Kelantan. Luasnya 878.2 batu persegi.<sup>3</sup> Jumlah penduduknya seramai 103,870 orang, lebih 90% daripadanya merupakan bangsa Melayu yang beragama Islam. Manakala selebihnya berbangsa Cina, Pakistan dan Siam.<sup>4</sup>

<sup>3</sup> *Buku Cenderamata Sempena Pesta Rakyat*, di Kg. Raja, Besut, Terengganu, (31 Julai hingga 5 Ogos 1976) hal: 16

<sup>4</sup> Khoo Soo Gim (Ketua Perangkaan Dan Pesuruhjaya Banci Malaysia), *Laporan Penduduk-Daerah Pentadbiran*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995, hal:528.

Besut dibahagikan kepada 21 buah mukim dengan 15 orang penghulu. Kampung Raja sebagai pusat pentadbiran daerah, manakala Jertih dan Kuala Besut merupakan pusat-pusat perniagaannya yang utama. Hulu Besut pula merupakan kawasan yang agak pendalaman sedikit jika di bandingkan dengan Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut. Ianya hanyalah nama sebutan bagi satu kawasan terpencil dan bukannya sebuah daerah berasongan sebagaimana daerah Hulu Terengganu.

Kedudukannya yang bersempadan dengan negeri Kelantan menjadi faktor utama hubungan baik antara keduanya sehingga dipengaruhi cara hidup dan kebudayaan orang-orang Melayu Kelantan, samada dari segi loghat (dialek) bahasa yang digunakan mahupun sudut kesenian.<sup>5</sup>

Kampung-kampung yang bersempadan dengan negeri Kelantan ialah Pulau Susu Dara, terus menuju ke Pachakan, Beris Pak Abu, Alor Nibong, Bukit Kubu dan Bukit Yong yang mengikuti bengkang bengkok sungai Semerak. Besut menjadi daerah kelima terbesar di dalam negeri Terengganu selepas Hulu Terengganu, Kemaman, Dungun dan Setiu. Manakala dari sudut aktiviti ekonomi bagi kaum lelakinya ialah menangkap ikan bagi yang menetap di pinggir pantai dan bertanam padi, berkebun kelapa, menoreh getah dan bermiaga bagi yang lainnya. Sebahagian besar kaum wanita berperanan membantu suami dalam berbagai urusan dan pekerjaan.<sup>6</sup>

<sup>5</sup> Buku Cenderamata, *op.cit*, hal:16

<sup>6</sup> Dato' Setia Jaya (Dato' Haji Muhammad Saleh Haji Awang), *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H (1942M)*, Cetakan Ketiga, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, Percetakan Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu, 1992, hal: 1-3.

Sejarah awal Besut agak samar kerana tidak terdapat bukti-bukti bertulis yang jelas serta dapat menerangkannya. Hanya terdapat dua sumber iaitu catatan Munsyi Abdullah Abdul Kadir, ‘*Pelayaran Abdullah ke Kelantan*’ dan juga dari ‘*Tuhfatul Nafis*’, karangan Raja Ali Haji. Walau bagaimana pun, dari tradisi-tradisi lisan satu kesimpulan ringkas dapat diberikan tentang sejarah pembukaan daerah Besut.<sup>7</sup>

Mengikut cerita-cerita lisan, kawasan yang hari ini dikenali dengan nama ‘Besut’ pernah diperintah oleh seorang raja dan ketua lanun yang zalim bernama ‘Raja Sang Nyanya’. Kezalimannya menyebabkan tidak ramai yang sanggup tinggal di daerah Besut. Hanya setelah kematiannya, barulah Besut semakin didiami orang. Di antaranya ialah sekumpulan orang-orang Pangan di bawah pimpinan ketua mereka yang bernama ‘Besut’.<sup>8</sup>

Tidak lama kemudian, sekumpulan pedagang dari Patani yang diketuai oleh Cik Latiff telah datang ke Besut. Beliau berasal dari Sumatera dan datang dengan tujuan berdagang di Patani. Akhirnya dengan kebijaksanaan Cik Latiff, beliau telah berjaya memujuk orang-orang Pangan tersebut berpindah hanya dengan pertukaran segantang mata kail. Penempatan awal telah dibina ditepi sungai Besut. Kawasan tersebut telah diberi nama ‘Palembang’ sebagai mengambil sempena dari tempat asalnya di Sumatera, iaitu Palembang.<sup>9</sup>

<sup>7</sup> Buku Cenderamata, *op.cit*, hal:16

<sup>8</sup> Dato’ Setia Jaya (Dato’ Haji Muhammad Saleh Haji Awang), *op.cit*, hal: 2

<sup>9</sup> Buku Cenderamata, *op.cit*, hal: 15

Menurut cerita sejarah, Cik Kamat telah menggantikan ayahandanya Cik Latiff. Di zaman pemerintahannya telah berlaku huru hara di Besut terutama di Kampung Raja dan sekitar Palembang disebabkan serangan lanun. Beliau terpaksa meminta bantuan dari kerajaan Terengganu yang berada di bawah Sultan Mansur-I (Marhum berjanggut). Tengku Kadir, putera baginda sendiri telah mengetuai pasukan bantuan tersebut dan berjaya memaksa lanun berundur ke Pulau Perhentian. Kejayaan tersebut menyebabkan sultan Terengganu menabalkan Tengku Kadir sebagai sultan memerintah Besut, manakala Cik Kamat telah diangkat sebagai Orang Besar Besut dan berkuasa di Pulau Rhu. Besut di bawah pemerintahan Tengku Kadir menjadi aman dan damai. Peristiwa bersejarah ini berlaku sekitar awal abad ke-18.<sup>10</sup>

Begitulah secara ringkas tentang latar belakang dan sejarah awal bagi daerah Besut. Ianya juga menjadi bahan bukti bahawa Besut suatu masa dahulu pernah mempunyai raja dan pentadbiran sendiri yang berpusat di Palembang. Hingga kini masih terdapat kesan peninggalan yang terdiri dari istana lama di sana.

### **I.I.2 – Latar belakang pendidikan agama di daerah Besut.**

Besut mempunyai tradisi beragama yang kuat. Besut juga mempunyai tradisi pengajian pondok yang agak kukuh. Ianya mempunyai kaitan yang erat dengan pengaruh negeri Kelantan yang pernah mendapat jolokan sebagai ‘Serambi Mekah’. Dalam masa yang sama, Besut juga mempunyai hubungan yang akrab dengan Patani. Para ‘alim

---

<sup>10</sup> *Ibid*, hal. 17

‘ulama’ Patani berulang alik dari Patani ke Besut dan kemudiannya menetap dan terus mengajar di Besut.

Masyarakat Besut yang umumnya terdiri dari kalangan petani dan menangkap ikan bagi penduduk yang tinggal dipersisiran pantai. Bagi yang menjalankan aktiviti pertanian, secara tidak langsung ia telah menyediakan ruang yang cukup kepada kemunculan dan penglibatan ‘ulama’ yang bersedia untuk mengajar. Keadaan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan penduduknya yang bekerja sebagai nelayan. Mereka tidak begitu menghiraukan soal-soal pendidikan agama kerana sentiasa asyik dengan urusan dan kesibukan mereka turun ke laut. Mereka hanya mempunyai masa lapang bila tiba musim tengkujuh kerana mereka tidak dapat turun ke laut yang bergelora pada musim itu.<sup>11</sup>

Raja Besut mengamalkan dasar terbuka kepada ‘alim ‘ulama’ untuk mengajar dan membicarakan soal-soal agama di istana. Besut pernah didatangi oleh seorang ‘ulama’ Patani yang telah berjaya mengembangkan pendidikan Islam di Besut. Beliau ialah Tuan Guru Haji Hasan al-Fatani. Muridnya yang masyhur ialah Tuan Guru Haji Hussien, iaitu tokoh yang kemudiannya mempelopori pengajian pondok di Besut.

Tuan Guru Haji Hasan al-Fatani telah dilantik menjadi penasihat kepada Raja Besut yang sangat digeruni serta ditakuti, selain ianya sangat dihormati oleh raja-raja

<sup>11</sup> *Ulama' Terengganu Suatu Sorotan*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Terengganu, 1991, hal: 63-65

lain. Keadaan tersebut telah menimbulkan kepatuhan yang tinggi. Lantaran ketaatan dan kepatuhan itulah menyebabkan penduduk Besut turut mempelajari agama. Tuan Guru Haji Hasan al-Fatani telah meninggal dunia pada 1910 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Palembang, Kampung Raja, Besut yang masih lagi wujud serta masih lagi digunakan hingga hari ini.

Setelah itu tampillah Tuan Guru Haji Hussien dan diikuti oleh ramai lagi "ulama" yang menubuhkan institusi pondok yang tersendiri seperti Tuan Guru Haji Haji Muhammad, Tuan Guru Haji Umar, Tuan Guru Haji Abas, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif dan Tuan Guru Haji Abdul Latif bin Awang. Sampai kini pendidikan pondok masih mendapat tempat dalam masyarakat Besut berikutan pengasasan dan kerja perlanjutan institusi tersebut dibuat oleh pihak-pihak yang masih berminat meneruskan pendidikan cara tradisional ini.<sup>12</sup>

Antara tokoh "ulama" yang membina institusi pondok sendiri seperti Tuan Guru Haji Hussien di Kampung Lampu, Tuan Guru Haji Muhammad di Kuala Besut, Tuan Guru Haji Umar di Kampung Raja, Tuan Guru Haji Abdul Latif di Alor Keladi, Tuan Guru Haji Abas dan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif.<sup>13</sup>

Menurut Abdullah Zakaria Ghazali, pondok pertama ditubuhkan di Besut ialah pondok Kg. Lampu pada tahun 1905. Sebelum kedatangan Tok Guru, Kg. Lampu

<sup>12</sup> *Ibid*, hal: 65

<sup>13</sup> *Ibid*, hal: 63-72

merupakan sebuah penempatan di bawah kelolaan wakil Raja (Tengku Muda) yang memerintah Kg. Lampu dengan kuasa yang diberikan oleh sultan Terengganu kepadanya. Kedatangan Tok Guru juga telah menjadikan Kg. Lampu terkenal di seluruh Besut, bahkan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan, Pahang, Patani dan lainnya sehingga ianya dikunjungi oleh pelajar-pelajar luar Terengganu. Bermula dengan empat buah pondok, akhirnya bertambah kepada empat puluh buah pondok untuk penempatan pelajar seramai 100 orang menjelang tahun 1916.<sup>14</sup>

Pada 1918, Pondok Kuala Besut telah ditubuhkan oleh Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussien<sup>15</sup>, iaitu anak kepada Tuan Guru Haji Hussien sendiri. Merupakan murid kepada Syiekh Daud al-Fatani dan rakan seperjuangan Tuan Guru Haji Muhammad Yussof (Tok Kenali).

Pada peringkat awal pengajarannya, Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussien menghadapi berbagai masalah yang berkaitan dengan sikap dan budaya hidup masyarakat Kuala Besut yang hanya kuat bekerja tanpa mengambil berat soal-soal agama. Setelah penat bekerja, mereka lebih senang berhibur dengan berbagai-bagai permainan mak yung, menora, wayang kulit, rambong Siam dan sebagainya lagi. Menurut cerita salah seorang penduduk tua yang berasal dari situ, dulunya terdapat beberapa buah bangsal wayang. Lebih buruk lagi apabila terdapat rumah-rumah

<sup>14</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hal.76

<sup>15</sup> Dilahirkan di Tnat Dang, Yala, Patani, Selatan Thai pada tahun 1880. Datang ke Besut dalam usia belasan tahun bersama orang tuanya.

pelacuran yang terkenal di kawasan Kampung Longger<sup>16</sup> (Kampung Bunga). Keadaan ini telah dihadapi oleh Tok Guru dengan penuh kesungguhan dan tanpa mengenal erti jemu serta putus asa untuk mengembalikan mereka kepada ajaran Islam yang jauh lebih baik.

Tok Guru mendapat sokongan padu dari golongan tua bagi membentras gejala keruntuhan akhlak yang berlaku sehingga mendesak pihak berkuasa mengharamkan rumah-rumah pelacuran yang giat beroperasi sebelumnya. Hingga sekarang tiada lagi sarang-sarang maksiat di sana. Pihak kerajaan telah membangunkan kawasan tersebut dengan berbagai infrastruktur demi kemanfaatan masyarakat setempat.<sup>17</sup>

Kemuncak kemajuan pendidikan dan pengajaran Tok Guru di Kuala Besut ialah pada tahun 1926 dan 1927. Ketika itu bilangan pelajar lebih kurang dua ratus lima puluh orang dengan seratus buah pondok. Tetapi telah merosot dalam tahun 30-an akibat perkembangan sistem pendidikan sekular di sekolah-sekolah tajaan kerajaan. Bahkan pendidikan agama juga banyak yang telah diambil alih oleh kerajaan. Ramai juga pelajar telah berpindah ke Pondok Haji Umar di Kg. Raja, Pondok Haji Abas di Bukit Puteri dan Pondok Haji Wan Abdul Latif di Jerteh.<sup>18</sup>

Tuan Guru Haji Umar<sup>19</sup> pula telah membuka pondok untuk pengajian dalam usianya yang masih muda dengan sokongan raja setelah pulang dari menuntut di Mekah

<sup>16</sup> Perkataan 'Longger' bererti isyarat kepada perbuatan zina/ lucuah.

<sup>17</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *op.cit*, hal:76

<sup>18</sup> *Ibid*, hal:76

<sup>19</sup> Berasal dari golongan berharta. Lantaran itu bapanya telah menghantarnya ke Mekah untuk berguru di sana dalam usia yang masih muda. Meninggal pada tahun 1941.

selama 12 tahun. Beliau telah memulakan pengajarannya di Masjid Palembang. Terdapat tujuh puluh buah pondok dengan seratus lima puluh orang dari dalam dan luar negeri Terengganu.

Pada tahun 1932, kebakaran telah berlaku di Palembang. Pondok Tuan Guru terpaksa dipindahkan ke Kawasan Beris Kg. Raja untuk meneruskan semula pengajian pondoknya. Walau bagaimana pun, pondoknya tidak dapat lagi diteruskan selepas kematian Tuan Guru kerana beliau tidak mempunyai pengganti.<sup>20</sup>

Salah satu faktor penting yang mempengaruhi kehidupan beragama masyarakat Besut sejak dulu lagi ialah kerjasama, sokongan moral dan meterial yang telah diberikan oleh wakil raja atau pemerintah tempatan kepada usaha-usaha pembangunan Islam. Galakan demi galakan dari istana terus menambahkan semangat rakyat jelata.

## **II.3 -AJARAN SESAT**

### **II.3.I -Pengenalan.**

Ajaran sesat ialah ajaran atau amalan yang dibawa oleh seseorang atau kumpulan yang mendakwa berpandukan Islam atau tidak bertentangan dengan Islam. Bagaimana pun, pada hakikatnya ajaran tersebut menyalahi al-Quran dan as-Sunnah serta ijma<sup>c</sup> para sahabat baginda s.a.w.<sup>21</sup>

<sup>20</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *op.cit*, hal:78-80

<sup>21</sup> *Berita Harian*, Rabu 11 Oktober 2000.

Ajaran sesat merupakan ajaran yang melenceng dan menyeleweng dari landasan syariat Islam yang sebenarnya. Penegasan yang terdapat dalam al-Qur'an melalui firman Allah s.w.t dalam surah Āli-Imrān ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ عَنْ دِيَنِ اللَّهِ أَعْسَلُمُ

Maksudnya: "Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam".

Firman-Nya lagi dalam surah yang sama ayat 85, berbunyi:

وَمَنْ يَبْتَغِي غَيْرَ إِلَهَ إِلَّا مَا فِي أَهْلِهِ فَأُولَئِكَ هُنَّ مُنْكَرٌ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَدِيرِينَ

الْخَدِيرِينَ

Maksudnya: "Barang siapa menuntut agama selain dari Islam, maka tidaklah diterima daripadanya, sedang di akhirat nanti termasuk dari kalangan orang-orang yang rugi".

Ianya diperkuatkan lagi dengan firman-Nya yang memperteguhkan lagi Islam sebagai satu-satunya agama yang sempurna, memberi rahmat untuk sekalian alam dan manusia tidak lagi berhajat kepada agama yang lain selain Islam.

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Mā''idah ayat 3 :

الْيَوْمَ

أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِيَنَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ بَعْدَمِنِي وَرَضِيَتُ لَكُمْ إِلَهَ إِلَّا إِلَهَمُ دِيَنًا

Maksudnya: “*Pada hari ini aku sempurnakan kepada kamu agamamu dan aku sempurnakan kepada kamu nikmatku dan aku telah redha kepada kamu bahawa Islam itu sebagai agama*”.

Islam telah menempuh era penentangan yang amat hebat dalam jangka masa yang panjang. Pertembungan sengit Islam lalui dalam memerangi setiap kebatilan samada berupa ‘aqidah, peribadatan dan pemikiran berbagai agama, bermacam mazhab dan beranika falsafah. Namun, ianya terus juga berkembang tanpa dapat dihalang.<sup>22</sup>

Ramai yang mendakwa agama-agama yang mereka anuti sebagai agama fitrah bagi umat manusia, bahkan semuanya itu batil, sesat dan menyesatkan. Semuanya lahir terdahulu dari Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. seperti Konfucius, Budha, Hindu, Yahudi, Majusi, Nasrani dan berbagai lagi yang berdasarkan penyembahan berhala. Ianya sering diperbaharui oleh para pemuka mereka untuk menyesuaikannya dengan peredaran zaman.

Terdapat juga agama-agama yang sesat lahir selepas Islam, bahkan mereka juga berasal dari pengikut Islam tetapi telah murtad seperti Qadyaniyah dan Baha’iyyah. Sesungguhnya salah satu taktik Barat untuk memerangi Islam ialah dengan cara menyeru umat Islam supaya mengikut suatu agama baru seperti mana agama Babiyah, Baha’iyyah atau Qadyaniyah. Mereka juga telah menggunakan seluruh kekuatan media yang mereka

<sup>22</sup> Ibid

miliki bagi menyebarkan diayah dan propaganda bagi memperbesarkan, menghuraikan segala prinsip pengajaran serta perkara-perkara berkaitan yang telah mereka rancang dengan amat rapi. Dr. Charles Adam mengatakan bahawa agama Babiyah ialah suatu senjata terbaik untuk mempergunakan Islam untuk kepentingan Kristian. Maka, kematian Abbas Abdul Baha pada November 1921 juga telah diperbesar-besarkan melebihi kadar sepatutnya. Semua media tertumpu kepadaanya dan menyatakan kesedihan serta rasa kehilangan yang amat besar.<sup>23</sup>

Manakala terdapat berbagai fahaman dan pemikiran yang lama dan baru yang berasal dari aliran-aliran falsafah kemudiannya telah ditukarkan kepada fahaman-fahaman yang dianuti seperti Komunisme, Sekularisme dan sebagainya.

Kehebatan dan kegeruan musuh-musuh terhadap Islam sepertimana di zaman-zaman penaklukan Rom dan Parsi tidak lagi menjadi penghalang dan igauan negeri bagi mereka untuk menghancurkan aqidah dan sistem-sistem Islam yang syumūl. Sebaliknya kekuatan dan kemantapan Islam sebelumnya telah dipecah-pecahan menjadi kepingan dan serpihan nasionalisme, demokratisme, sosialisme, komunisme, marxisme dan lain-lain isme yang dicipta sendiri oleh tangan-tangan manusia durjana dari kalangan mereka<sup>24</sup>

<sup>23</sup> Anuar al-Jundi, *op.cit*, hal: 35

<sup>24</sup> *Ibid*, hal: 7

Agama-agama utama yang bertembung dengan Islam pada masa kini ialah Yahudi dan Nasrani, agama-agama Parsi, agama yang mendapat sambutan di India seperti Hindu, Budha dan berbagai agama yang berorientasikan penyembahan berhala.<sup>25</sup>

Mengenai masalah yang bersangkutan, penyelidik juga menemui beberapa pendapat yang mengatakan, suatu masa dulu ajaran-ajaran Islam telah diresapi dan terpengaruh dengan unsur-unsur yang disebutkan di atas sehingga ianya memberi kesan ke atas amalan dan cara hidup kerohanian Islam. Kesannya terus dapat dirasai hingga ke zaman mutakhir ini. Perbincangan mengenainya secara khusus akan dikemukakan dalam bab yang akan datang.

Imām Fakhruddin al-Rāzī telah membahagikan kesesatan kepada tiga tahap. Pertama, mereka telah pun sesat sebelum menyesatkan orang lain. Kedua, setelah itu mereka menyesatkan orang lain. Ketiga, kemudian mereka terus kekal dalam kesesatan.<sup>26</sup>

Bernaungkan ‘aqidah yang suci dan sebatи dalam jiwa umat Islam yang benar-benar beriman, merekalah orang-orang yang bahagia di dunia dan akhirat nanti.

Firman Allah Ta‘ala dalam surah Āli-Imrān ayat 174:

<sup>25</sup> Said Hawa, *Al-Asas fi al-Sunnah wa Feqhuha al-A‘qa’id al-Islāmīyah*, Jilid Kedua, Dar al- Salām, Kaherah, 1992, hal: 635-638.

<sup>26</sup> Al-Imam Fakhruddin al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, Jilid 11-12, Dar al-Kutub Ilmiah, Beirut, 1990, hal:53

فَإِنْ مَنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُولِهِ، وَإِنْ ثُوَّمُوا وَتَشَوَّا فَلَكُمْ

أَجْرٌ عَظِيمٌ



Maksudnya: "Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Rasul-Nya; dan jika kamu beriman dan bertaqwa, maka untukmu pahala yang besar".

Maka tidak hairanlah pada masa itu mereka termasuk dalam golongan yang difirman oleh Allah s.w.t. dalam surah Āli-Imrān ayat 173-174 berbunyi:

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ الَّنَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ

فَاخْشُوْهُمْ فَرَزَادُهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللّٰهُ وَدِيْنُمُ الْوَكِيلُ

فَانْقَلَبُوا بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللّٰهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمْسِسْهُمْ شُوَّهٌ وَاتَّبَعُوا رِضْوَانَ اللّٰهِ

وَاللّٰهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٌ



Maksudnya: "Orang-orang yang diucapkan kepada mereka, takutlah orang-orang sudah siap sedia untuk menyerang, manun iman mereka semakin bertambah dan berkata: Pelindung kami hanyalah Allah, Dialah Maha Pelindung. Pulanglah mereka dengan nikmat dan kurniaan Allah dan mereka tidak sedikit pun merasa kecewa. Ikutilah petunjuk Allah. Dialah pemberi kurnia yang Maha Besar".

Sudah menjadi lumrah alam, sesuatu yang amat istimewa itu sering dicemburui dan tidak disenangi oleh pihak-pihak tertentu yang mencari kepentingan peribadinya sendiri. Oleh yang demikian, penyimpangan sering diusahakan dalam berbagai-bagai bentuk. Tahap yang paling bahaya ialah apabila mempunyai prasangka yang buruk dan jahat terhadap Allah.<sup>27</sup> Tambahan lagi, mereka merasakan kekuatan yang ada padanya tidak ada kaitan dan tidak ada kena mengena dengan kekuasaan Allah s.w.t. Hatinya yang sentiasa dirasuk syaitan menjuruskan mereka ke lembah nifak dan lebih teruk lagi ialah terjerumus ke dalam kekufuran yang nyata.

Orang munafik sering berkata, "kami beriman". Tetapi pada hakikatnya mereka tidak beriman, mereka mungkir janji dengan Allah s.w.t. Golongan ini senang kita dapat dewasa ini walau di mana saja kita pergi.<sup>28</sup>

Aliran-aliran pemikiran politik yang jelas sesat dan bertentangan dengan Islam seperti Komunis dan Sekular yang memisahkan agama dengan urusan pemerintahan negara. Dengan kata lain, mereka sesat kerana kebebasan berfikir secara mutlak. Sehingga kini ianya benar-benar berjaya menggagalkan pelaksanaan syari'at Islam di seluruh negara-negara umat Islam dan menguasai pemikirannya sehingga lahirnya parti-parti nasional yang memperjuangkan kepentingan sesebuah bangsa. Akhirnya ia berjaya memberikan gambaran yang songsang, iaitu syari'at Islam tidak sesuai lagi, bahkan tidak boleh dilaksanakan kerana terdapat masalah dalam pelaksanaannya, akan tetapi

<sup>27</sup> *Ibid*, hal.54

<sup>28</sup> Dr. Muhamad Yusuf Musa, *Bahaya Pendangkalan A'kidah*, Alih bahasa: Drs. Salman Harun, Penerbit al-Hidayah, Jakarta, 1980, hal: 17-18

hakikatnya fahaman-fahaman tersebutlah yang telah mendominasi pemikiran masyarakat sehingga menjadi masalah dalaman yang kritikal kepada umat Islam tanpa disedari.<sup>29</sup>

#### **I.I.4 -Ajaran sesat di Hulu Besut.**

Ada bermacam-macam nama yang diberikan kepada ajaran sesat. Di antaranya disebut sebagai Ilmu Hakikat, Ilmu Tariqat, Ilmu Isi, Ilmu Sejati dan sebagainya lagi. Sesetengahnya hanya berbeza pada nama disebabkan bertapaknya di kawasan berbeza sedangkan kandungan ajaran serta prinsipnya sukar dibezakan. Semua itu tersusun dari banyak bahan yang bercampur aduk dari Animisme, Dinamisme, Hinduisme, Budisme, Kristian, falsafah Yunani kuno, Batiniyah dan Wahdatul Wujud. Terdapat juga aliran yang mendakwa mereka dari kalangan pengamal tasawwuf gabungan mazhab-mazhab yang banyak di dalam Islam.

Ciri-ciri khas golongan ini ialah sering mencaci dan merendah-rendahkan maruah dan nama baik ‘alim ‘ulama’ dari kalangan ahli sufi serta fuqaha’ Islam. Mereka menuduh para ‘ulama’ telah menyembunyikan kebenaran demi kepentingan peribadi mereka dan dikatakan ‘ulama’ kulit dan tidak mengetahui apa-apa tentang kebatinan dan hakikat.

Tasawwuf dan Sufismelah yang menjadi sasaran sebagai saluran ajaran sesat. Kononnya, membersihkan diri dan meninggalkan urusan keduniaan merupakan salah satu matlamat ajaran sesat ini. Apa yang dilakukan bertujuan mencapai *ma’rifatullah*. Sampai

---

<sup>29</sup> Said Hawa, *Op.cit*, hal: 635-638

di tahap tertentu, pengikut tidak perlu lagi melakukan ibadat solat, puasa, zakat dan sebagainya kerana mereka telah diredhai disebabkan kedudukan mereka yang terlalu dekat dan disayangi Allah. Segala amalan hanya dengan niat sahaja tanpa ada gerakan anggota.

#### 1.1.4.1-Asal usul

Asal usul ajaran yang terdapat di Hulu Besut ini dipercayai berpunca dari ajaran ‘Hassan Anak Rimau’ yang lebih dikenali di kalangan para pengikutnya sebagai ‘Tok Ayah Haji Hassan’. Manakala ‘Ayah Pin’ pada masa itu merupakan mertua kepada ‘Tok Ayah Haji Hassan’ walaupun usia Ayah Pin jauh lebih muda daripadanya. Sebelum itu, ajaran ‘Tok Ayah Haji Hassan’ ini telah pun bertapak kukuh di Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan.<sup>30</sup>

Ayah Pin merupakan mertua dan murid kanan kepada Tok Ayah Haji Hassan asalnya, bagaimana pun telah menunjukkan tanda-tanda awal akan mengambil alih jawatan ‘guru’. Benar apa yang telah dijangkakan, tiba masa dan ketika Ayah Pin telah mengambil alih peranan ‘guru’. Beliau telah memulakan tugas tersebut di tempat dan kawasan yang sama di Kampung Batu 13, Hulu Besut.<sup>31</sup>

<sup>30</sup> Temubual dengan bekas pengikut Ayah Pin, 9 Julai 2000.

<sup>31</sup> Temubual, 9 Julai 2000, *Op.cit.*

#### **1.1.4.2- Lokasi dan organisasi**

Kawasan operasinya di Kg. Batu 13 agak terpencil dan berlatar belakangkan kebun-kebun getah. Di dalam kawasan tersebut terdapat dua buah rumah (rumah Ayah Pin dan rumah Tok Ayah Haji Hassan) dan sebuah surau pada asalnya. Surau tersebut digunakan sebagai tempat melakukan program tetap kumpulan mereka.

Organisasi yang tersusun kemas dalam kerahsiaan juga telah lama diwujudkan. Beberapa jawatan telah diwujudkan seperti jawatan menteri pentadbiran. Kerajaannya meliputi wakil bagi langit dan bumi kerana dari kalangan mereka ada yang dilantik memegang jawatan sebagai menteri langit, menteri laut dan sebagainya. Walau bagaimana pun, secara terperincinya hanya diketahui oleh pengikut-pengikut kanan dan telah lama bersama mereka. Menurut pendapat salah seorang bekas pengikutnya, maklumat berkenaan dengannya ialah rahsia antara mereka-mereka yang senior sahaja.<sup>32</sup>

#### **1.1.4.3-Keahlian**

Dari sudut keanggotaan atau keahlian para pengikutnya pula, ianya bersifat terbuka. Tetapi ianya tidak mendapat sambutan dari kalangan penduduk tempatan. Kebanyakan dari mereka datang dari pantai Barat Malaysia berdasarkan loghat serta plat kenderaan yang digunakan. Keahliannya berkembang menerusi keluarga terdekat seperti suami, isteri dan anak-anak ahli mereka yang sedia ada selain dari sahabat-sahabat yang paling rapat.

---

<sup>32</sup> *Ibid*

#### 1.1.4.4- Ajaran dan aktiviti

Kawasan yang khas itu digunakan bagi menjalankan segala aktiviti ajarannya. Kebiasaannya, majlis ‘ratib kuat’ akan bermula sebaik sahaja selepas solat Maghrib dan berakhir bila masuk waktu ‘Isya’. Selepas solat ‘Isya’ berjemaah, mereka mengadakan ‘majlis ta’alim’ dalam jangka masa yang sederhana lamanya. Di dalam ‘majlis ta’alim’ inilah sedikit sebanyak para pengikut diisi dengan kefahaman mereka. Walau bagaimana pun, perbicaraan-perbicaraan yang lebih sulit tidak dibincangkan secara umum serta tidak diperkatakan di depan pengikut-pengikut mereka yang baru.

Ajaran dan kumpulan ini tidak pula mempunyai nama khusus. Mereka hanya menggunakan nama ‘Zikrullah Ayah Pin’ sebagai sandaran. Kononnya kumpulan ajaran mereka merupakan salah satu kumpulan tariqat yang sentiasa mendekatkan diri kepada Allah. Akan tetapi mereka tidak bersandarkan kepada mana-mana ulama atau syeikh yang muktabar.

Hasil pemerhatian dari temubual dengan bekas-bekas pengikutnya, ajaran ini bercampur aduk antara pengajaran yang terdapat dalam tariqat Ahmadiyyah, Naqsyabandiyyah dan berbagai-bagai lagi. Manakala yang terbanyak ialah ajaran serta amalan yang direka cipta sendiri.<sup>33</sup>

Majlis tahlil yang mereka lakukan pada setiap malam Jumaat pada asalnya tidak ada percanggahan dengan syaria’t Islam. Ianya dilakukan di bawah sinaran lampu kalimantan yang terang benderang. Pengikut lelaki juga diasingkan dengan pengikut perempuan. Mereka menggunakan lafaz-lafaz yang suci lagi mulia seperti

<sup>33</sup> *Ibid*

bertasbih, bertahmid, bertahlil dan bertakbir. Tetapi ianya dilakukan dengan suara yang amat kuat. Menurut bekas pengikut kumpulan itu, ianya semata-mata untuk mengaburi mata ahli dan pengikut-pengikut yang baru, menjaga tanggapan masyarakat setempat serta pihak Jabatan Hal Ehwal Agama. Sudah menjadi kelaziman apabila mereka dituduh sesat, mereka tidak mudah melenting. Sebaliknya mereka menjemput mereka yang menuduh mereka supaya datang menyaksikan sendiri majlis-majlis yang mereka adakan. Setelah itu mereka telah mendapat perhatian oleh pihak media tempatan dan segala apa yang berkaitan dengan ajaran kumpulan ini telah didedahkan di dada akhbar suatu masa dulu.<sup>34</sup>

Mereka juga membina beberapa replika dari pembinaan seperti perigi zam-zam, bahtera Nabi Nuh dan sebagainya yang kononnya dibina mengikut ilham yang diperolehi oleh Ayah Pin dan pengikut setianya.

#### **1.1.4.5-Langkah-langkah mengatas**

Permasalahan ajaran sesat tidak kurang pentingnya dari sudut langkah-langkah untuk mengatasinya. Apakah selama ini pihak berkuasa hanya melihat dengan sebelah mata apa yang sedang berlaku di Kg. Batu 13 ini hanya kerana penganutnya tidak mencapai angka seperdua penduduk tempatan? Mungkinkah kerana mereka merupakan golongan penyokong setia kerajaan memerintah dan tidak mengancam kedudukan pemerintah, lantaran itu ianya dibiarkan tanpa sebarang usaha membenterasnya dengan bersungguh-sungguh serta tindakan drastik. Atau kuasa yang lebih besar menghalang pihak Jabatan Hal Ehwal Agama dari melakukan tindakan sewajarnya?

---

<sup>34</sup>Ibid

Menurut pihak keselamatan, pemantauan dibuat hanya bagi memastikan tidak berlaku apa-apa yang tidak diingini. Bagi pihak keselamatan juga, mereka hanya dianggap sebagai pelampau agama. Mereka tidak boleh dikenakan sebarang tindakan undang-undang selagi tidak menimbulkan kekeruhan dalam masyarakat walau pun jelas kelihatan °aqidah mereka terpesong jauh. Dengan erti kata lain, mereka hanya mempunyai kuasa seperti mana yang termaktub dalam akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagaimana yang diperuntukkan kepada pihak keselamatan.<sup>35</sup>

Pihak Jabatan Agama merupakan satu-satunya badan yang bertanggung jawab memberikan tindak balas terhadap sebarang penyelewengan °aqidah dan syari°at yang berlaku samada ianya berlaku secara aman atau sebaliknya. Tapi sayangnya, sejauh manakah peruntukan undang-undang yang ada dalam masalah ini? Apakah dengan apa yang diperuntukkan itu mampu membendung kesesatan yang berlaku? Apakah ada perkara lain yang lebih penting bagi pihak berkuasa selain dari menjaga dan mengawal °aqidah umat Islam dari tersesat?

Masyarakat yang prihatin sering tertanya, kenapa pihak berkuasa dan kerajaan tidak mampu menghapuskan ajaran sesat seumpama ini setelah terbukti kemempuan pihak kerajaan menghapuskan puak Arqam tidak berapa lama dulu sedangkan keahlian dan kekuatan mereka umpama langit dan bumi. Adakah Arqam dihapuskan kerana ianya boleh mengancam struktur pentadbiran dan politik negara? Atau kumpulan Ayah Pin dibiarkan kerana mereka merupakan golongan yang pro pemerintah? Ibarat kata pepatah, nak seribu daya, tak nak seribu dalih.

---

<sup>35</sup> Temubual dengan salah seorang anggota keselamatan yang ditugaskan memantau kegiatan kumpulan ini sejak awal tahun 90-an, pada 12 Julai 2000.

## I.2 -PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH

### I.2.I -Pengertian tajuk.

Tajuk yang menjadi pilihan penyelidik ialah '*Sejarah Perkembangan Ajaran Sesat di Hulu Besut*'. Sebelum penyelidikan ini diteruskan kepada bab dan bahagian yang seterusnya, penyelidik akan menerangkan pengertian tajuk penyelidikan ini satu persatu supaya tidak timbul kekeliruan samada tentang tajuk ini sendiri maupun tentang skop penyelidikan yang dilakukan.

Menurut Kamus Dewan, perkataan '*sejarah*' membawa tiga kumpulan makna. Pertama bermaksud asal usul (keturunan) dan salasilah. Kedua, peristiwa yang benar-benar berlaku di masa lampau, kisah, riwayat. Ketiga, suatu ilmu, kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu, tawarikh.<sup>36</sup>

R.G. Collingwood telah memberikan suatu pengertian sejarah berdasarkan pendapat-pendapat Herodotus dan Thucydides seperti berikut:

Sejarah itu ialah penyelidikan (*research*), tindak tanduk masyarakat (*human action*), pemikiran (*self-knowledge*) dan penyusunan semula pemikiran yang telah dikaji (*interpretation of evidence*).

<sup>36</sup> *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hal: 1133

Setelah itu E.H. Carr pula dalam bukunya *What is History?* Berpendapat bahawa sejarah itu ialah suatu proses yang tidak putus-putus di antara sejarawan dengan fakta-fakta sejarah dan dialog yang juga tidak putus di antara masa kini dengan masa lalu. Sebelum itu H. Croce telah mentakrifkan sejarah sebagai melihat masa lalu menerusi keadaan masa kini. Dari pengertian-pengertian di atas dapatlah simpulkan seperti berikut: Sejarah ialah sains, masa lalu, pemikiran, tindak tanduk masyarakat, hubungan antara fakta-fakta sejarah dengan pemikiran sejarawan atau hubungan antara masa lalu dengan masa kini.<sup>37</sup>

Manakala perkataan perkembangan pula membawa maksud perihal (proses dsb) berkembang (menjadi maju, tersebar atau membiak, meluas dsb), pertumbuhan, kemajuan.<sup>38</sup>

Menurut Mohd. Yusuf Ibrahim, sejarah memang mempunyai pengertian yang kompleks. Sejarawan kerap pula memberi takrif masing-masing tentang sejarah, samada mereka mengkaji sejarah dari sudut peristiwa atau pun teori dan falsafah, ia kerap memberikan takrif yang dirasakannya wajar bagi sejarah. Sejak kurun 14 hingga zaman mutakhir ini, keadaan telah dilihat bahawa wajar dicari suatu titik pertemuan antara takrif yang berbagai dari para sejarawan. Garraghan misalnya, meletakkan tiga pengertian sejarah atau konsep yang sangat berkait rapat antara satu sama lain tetapi amat jauh berbeza dari sudut pengertiannya, iaitu;

<sup>37</sup> Mahayudin Haji Yahaya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, Penerbit Sarjana (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1984, hal:6

<sup>38</sup> Kamus Dewan *op.cit*, hal: 578

1. Peristiwa masa lalu, masa lalu yang sebenarnya.
2. Catatan tentang peristiwa tersebut.
3. Proses atau teknik membuat catatan tersebut.<sup>39</sup>

Menurut *Tesaurus Umum Bahasa Melayu*, ‘ajaran’ memberi erti pengajaran, latihan, petunjuk, nasihat, didikan, asuhan, teori, doktrin, fatwa, pedoman, panduan, tunjuk ajar, teladan, contoh, ibarat, pengajian, teguran, peringatan, iktibar, pengalaman dan sebagainya.<sup>40</sup>

‘Sesat’ menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd memberi erti abnormal, bilazim, pirau, lencong, serong, menyeleweng, menyimpang, seleweng, simpang, songsang, tak normal, zindiq dan sebagainya.<sup>41</sup> Manakala ‘ajaran sesat’ boleh diertikan sebagai ajaran keliru, ajaran songsang.<sup>42</sup>

Menurut al-Haitami dalam kitabnya *al-Zawajir*, kesesatan akan menyebabkan seseorang itu terjatuh ke lembah syirik yang hina. Ianya banyak berlaku di kalangan manusia, samada dari kalangan yang berilmu atau pun jahil tentang kedudukan sebenar. Oleh yang demikian kesannya boleh memusnahkan segala amal kebaikan dan kebaikan yang dilakukan selama ini. Ia juga bermakna telah melakukan perkara-perkara yang

<sup>39</sup> Muhd. Yusuf Ibrahim, *Ilmu Sejarah; Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hal: 10

<sup>40</sup> *Tesaurus Umum Bahasa Melayu*, Kerjasama Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) dengan Universiti Sains Maalaysia (USM), DBP-Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1990, hal:xxii

<sup>41</sup> Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Tesaurus Melayu Moden*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1994, hal:289

<sup>42</sup> Haji Zainal Abidin Sufarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Cheras, Kuala Lumpur, 1995, hal:28

membawa kepada kekufuran. Justeru itu, wajib ke atas qadhi (penguasa) menentukan keputusan, kedudukan dan hukuman ke atas yang terbabit.<sup>43</sup>

Jika ianya ditinjau dari sudut yang lain, ianya boleh membawa kepada kekufuran dan riddah lantaran perbuatan mereka yang menokok tambah serta membalikkan hukum yang halal menjadi haram dan yang haram menjadi halal. Jika begini keadaannya, terlailah ikatan akad nikah (perkahwinan) dengan isteri-isterinya dan haram menggaulinya.<sup>44</sup>

Syeikh Abdul Rahman menjelaskan, Rasulullah s.a.w. sendiri pernah bersabda yang bermaksud: “*Aku takut (bimbang) ke atas umatku, iaitu suatu kumpulan orang-orang yang sesat*”. Mereka itu tentu saja dari kalangan umara’, ‘ulama’ dan rakyat jelata (orang kebanyakan). Mereka akan menetap dan menjatuhkan hukum-hukum tanpa ilmu lalu menyesatkan.<sup>45</sup>

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-An'am ayat 119 berbunyi:

وَإِنْ كَثِيرًا لَيُضْلُّونَ بِأَهْوَاهِهِمْ يَغْتَرِيرُ  
عِلْمٌ إِنْ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ

<sup>43</sup> Abi al-Abbâs Ahmad bin Muhammad bin Ali bin Hajril Makki al-Haitami (909-974H), *Az-Zawajir An al-Iqtiraf al-Kaba'ir*, (Jilid I), Darul Kutub Ilmiah, Beirut, 1993, hal: 46

<sup>44</sup> *Ibid*, hal: 46

<sup>45</sup> Syeikh Abdul Rahman bin Hasan Ali al-Syeyikh, *op. cit*, hal: 234.

Maksudnya: “*Dan sesungguhnya kebanyakan mereka hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka, tanpa ilmu pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui orang-orang yang melampaui batas*”

Firman Allah lagi dalam surah as-Saffāt ayat 71, berbunyi:

وَلَقَدْ ضَلَّ قَبْلَهُمْ أَكْثَرُ الْأُولَئِينَ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya telah sesat kebanyakan orang-orang terdahulu sebelum mereka*”.

### I.2.2 –Perumusan masalah.

Berdasarkanuraian tajuk pada bahagian yang lalu, maka dapatlah dibuat beberapa perumusan masalah yang akan dibentang dan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya.

Perumusan masalah yang dapat dibentangkan ialah:

1. Bagaimanakah susur galur sejarah asal kelahiran ajaran sesat dari sudut perkembangan dan penyebarannya sehingga mempengaruhi sesetengah ahli masyarakat tertentu?
2. Bagaimanakah bentuk dan ciri-ciri ajaran sesat yang terdapat di Hulu khasnya dan di negeri Terengganu secara amnya?

3. Apakah faktor-faktor perkembangan dan penyebaran ajaran sesat sehingga iaanya telah mampu mengusai pemikiran sesetengah masyarakat?
4. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa, terutamanya pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri Terengganu (JHEAT) bagi membendung masalah ajaran sesat ini dari terus merebak dan mempengaruhi orang awam?

### I.3 -KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Musuh-musuh Islam sentiasa mencari jalan untuk merosakkan Islam dari dalam. Mereka mengubah haluan menyerang ke arah °aqidah Islāmiyah setelah mengakui kehebatan semangat jihad tentera-tentera Muslimin di medan pertempuran. Maka lahirlah gerakan-gerakan anti Islam sebagaimana disebut dalam permasalahan sebelum ini. Bermula dari beratus-ratus tahun yang lampau hingga kini telah pun mempunyai teranting menjalar dan berjuntaian di negara-negara umat Islam.

Pada masa kini, beberapa ajaran sesat yang lahir secara senyap-senyap dalam masyarakat kaum Muslimin di negara kita ini. Meskipun jumlah pengikutnya tidak ramai, namun boleh menjadi ancaman bagi masa depan perpaduan dan keutuhan masyarakat Islam di negara kita khasnya.

Pada bab yang khusus, penyelidikan ini akan mendedahkan ajaran sesat yang sedang aktif di Hulu Besut dari sudut sejarah perkembangan, sumber ajaran serta persepsi masyarakat setempat mengenainya. Di antara lain tujuan penyelidikan ini ialah untuk menyedarkan masyarakat di daerah Besut khasnya tentang ciri-ciri umum ajaran sesat

yang mesti diawasi daripada meresap ke dalam pemikiran generasi hari ini dan akan datang. Untuk itu, masyarakat mesti mengetahuinya sudut-sudut kesesatan yang berbagai selain dari persejarahannya semata-mata.

Selain dari sudut persejarahan dan pengaruh ajaran ini, kesesatannya secara umumnya juga akan disingkap. Tujuannya supaya semua pihak dapat berwaspada selalu dan mesti berusaha menghindarkan diri darinya. Setelah itu mencari penyelesaian terbaik bagi menanganinya.

Akhirnya sebagai alternatif kepada pendedahan ajaran ini, penyelidik akan menggariskan langkah-langkah untuk mengatasinya supaya tidak terus menjalar dan berakar umbi dalam akidah dan pegangan masyarakat. Semoga penyelidikan ini akan menjadi pencetus dan pembuka jalan kepada penyelidik-penyelidik seterusnya untuk melakukan penyelidikan yang relevan.

#### I.4 -KAJIAN SEBELUMNYA

Dapatkan awal penyelidik, belum pernah wujud kajian dilakukan khusus di Hulu Besut ini secara ilmiah oleh pihak-pihak tertentu selain dari Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan pihak keselamatan tempatan. Mereka melakukan kajian untuk menentukan aspek kesesatan yang dilaporkan serta aspek keselamatan agar tidak mengancam perpaduan masyarakat dan keselamatan negara.

Terdapat beberapa kajian sebelumnya yang membongkar beberapa gerakan ajaran sesat yang terdapat di Semenanjung Malaysia seperti ajaran sesat yang terdapat di Negeri

Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan sebagainya. Akan tetapi, kebanyakannya juga memberi penekanan kepada tindakan pihak Jabatan Ehwal Agama atau Majlis Agama bagi negeri tertentu dalam menanganinya. Penekanan terdahulu juga berlebar sekitar aspek kesesatan dan isi kandungan ajaran yang terdapat dalam satu-satu kumpulan.

Oleh kerana analisis secara tepat dan diketahui umum belum lagi diwujudkan, penyelidikan ini akan menekankan kepada permasalahan-permasalahan yang telah dinyatakan sebelum ini. Ianya memberi penekanan khas kepada aspek persejarahan perkembangan ajaran sesat tersebut samada ianya datang dari pengaruh tariqat yang diselewengkan atau pengaruh aliran Batiniah atau juga dari falsafah Yunani kuno atau lainnya. Termasuk juga soal-soal sosial seperti sambutan, penerimaan masyarakat setempat serta analisis tentang status para pengikutnya. Penyelidikan juga dilakukan secara fizikal ke atas kawasan operasi mereka yang mengandungi objek-objek pengabdian yang dibina khusus.<sup>46</sup>

Dari sudut lain, kajian terdahulu mengenai ajaran sesat adalah berlebar sekitar kesucian dan kemurnian °aqidah. Pendek kata, kajian-kajian terdahulu tentang ajaran sesat ini adalah tertumpu pada sudut kesahihan dan penyelewengan °aqidah. Belum lagi terdapat kajian tentang ajaran sesat yang menumpukan penyelidikan dari sudut persejarahannya.

<sup>46</sup> Temubual dengan bekas pengikut Ayah Pin pada 10 Jun 2000.

## **I.5 -METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Semua data yang diperolehi akan disaring dengan cara meneliti seterusnya disusun dengan sebaiknya dalam usaha membentangkan fakta-fakta persejarahan hakikat ajaran sesat yang telah lama diperkatakan di sini dari sudut sejarah perkembangannya dan permasalahan-permasalahan yang bersangkutan, termasuk pengaruhnya serta cara-cara untuk mengatasinya.

Ternyata kajian sebelum ini tidak diketahui umum tentang pendedahan-pendedahan yang sepatutnya. Maka, menjadi harapan kajian ini akan mencapai matlamatnya serta memenuhi keperluan bagi mengemukakan suatu kajian/penyelidikan yang komprehensif mengenai masalah yang diselidiki.

Dengan ini, ruang penyelidikan adalah terbuka. Walau bagaimana pun, mestilah dengan waspada dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku semasa melakukan penyelidikan. Oleh yang demikian, perancangan dan perencanaan yang rapi dan tersusun mestilah dilakukan terlebih dahulu untuk mengelakkan sebarang kesulitan serta menjamin kelancaran penyelidikan ini.

### **I.5.1 -Kajian perpustakaan.**

Pada peringata awal penyelidikan ini, penyelidik telah berusaha mengumpulkan seberapa banyak mungkin bahan perpustakaan yang akan dijadikan landasan kajian dari sudut teorinya. Bahan-bahan bertulis akan digunakan sebagai panduan dan sokongan kepada dapatan kajian secara lapangan.

Penyelidik juga mencari fakta-fakta asas melalui perpustakaan untuk dikaitkan dengan bahan kajian supaya kajian ini sentiasa berada di atas landasan fakta yang betul dan tepat.

Fakta tentang persejarahan secara umum sememangnya berhajatkan kepada sumber-sumber utama dalam bentuk karangan sejarawan terdahulu. Begitu jugalah dengan perkara yang berkait dengan hukum hakam samada fatwa, pandangan para ulama muktabar, kisah-kisah sejarah serta pengajarannya dan sebagainya lagi. Oleh yang demikian, bahan-bahan dari perpustakaanlah juga yang akan memperkuatkan antara fakta dengan fakta yang lain.

#### **I.5.2 –Wawancara.**

Metod ini sememangnya banyak membantu penyelidik mendapatkan fakta-fakta yang tepat terutamanya bagi kajian kes yang dilakukan. Bahan-bahan bukti yang bertulis atau bercetak belum lagi wujud bagi masalah-masalah baru dan tidak melibatkan masyarakat umum bagi sesebuah daerah, negeri maupun negara.

Penyelidik melakukan wawancara samada secara langsung dan tidak langsung mengikut kesesuaian individu, keadaan, tempat serta masa ianya dilakukan bagi mengelakkan timbulnya masalah seperti keraguan, rasa curiga, kerahsiaan dan sebagainya. Keberkesanan dan kelancaran wawancara sentiasa dititik beratkan bagi menjamin kualiti kajian dan dapatan yang terbaik. Antara individu yang diwawancara seperti para pegawai di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pegawai-pegawai di

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), kadhi dan penguatkuasa daerah Besut, anggota cawangan khas (S.B) Polis Di Raja Malaysia yang terlibat dalam operasi pemantauan dan bekas pengikut ajaran ini yang telah kembali ke pangkal jalan.

## I.6 –SISTEMATIKA PENULISAN

Bagi memastikan ketetapan dan penerangan secara menyeluruh, penyelidik telah membahagikannya kepada beberapa bab yang khusus bagi membentangkan perkara-perkara yang berkaitan. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab yang mempunyai skop penyelidikan yang tersendiri.

### Bab pertama:

Penyelidik terlebih dahulu menerangkan tentang latar belakang masalah seperti latar belakang daerah Besut itu sendiri serta kepercayaan beragama bagi masyarakatnya. Pada bab pertama ini juga penyelidik menerangkan tentang ajaran sesat dari sudut pengenalan, ciri-ciri dan bentuk-bentuknya sehingga menyentuh ajaran sesat yang terdapat di daerah Besut. Pada bahagian pengenalan juga diterangkan serba ringkas tentang asal usul ajaran yang terdapat di Hulu Besut. Penerangannya akan mencakupi tentang lokasi operasi, keahlian, sumber ekonomi dan sebagainya lagi yang berkaitan.

Pengertian tajuk dan perumusan masalah juga diperkatakan dalam bab ini untuk menjaga penumpuan dan pemerhatian kajian agar tidak terkeliru dan melencong dari kehendak dan tajuk yang asal. Ianya amat penting bagi memastikan penyelidikan ini mencapai matlamat dan tujuan pelaksanaan sebenar berpandukan kajian terfokus dan terarah dengan baik dan tepat. Antara lain yang diterangkan dalam bab ini termasuklah

kepentingan penyelidikan yang dilakukan dengan harapan ianya akan memberikan suatu sumbangan yang besar dalam keharmonian Islam dan keamanan masyarakat Islam secara umumnya. Mudah-mudahan ianya juga akan muncul sebagai saham dunia dan akhirat yang tidak ternilai harganya.

Kajian sebelumnya akan didedahkan secara umum untuk mengelakkan berlaku pertembungan dan pertindihan kajian terhadap perkara yang sama dengan bentuk dan fokusnya yang sama. Ini bertujuan menjaga kesinambungan dan perkembangan kajian dan penyelidikan agar ianya lebih maju ke depan dan lebih berkesan.

Metodologi penyelidikan diperjelaskan sebagai bantuan kepada penyelidik dan usaha mendapatkan seberapa banyak fakta dan maklumat yang tepat, berkesan serta menjimatkan masa yang ada.

Pada bahagian akhir bab ini akan membentangkan sistematika penyelidikan bagi memastikan ianya sentiasa tetap, penerangan yang menyeluruh dan tidak terpesong kepada unsur-unsur yang tidak diperlukan dalam kajian ini.

## **Bab kedua:**

Pada bab ini membentangkan hasil penyelidikan yang tertumpu kepada sejarah kelahiran ajaran sesat di dalam Islam. Ianya amat penting sebagai titik tolak kepada berlaku dan tersebarinya ajaran sesat di segenap pelusuk negara umat Islam. Bibit-bibit kelemahan "aqidah umat Islam yang mula dirasai setelah kewafatan baginda s.a.w serta perluasan kuasa Islam keluar semenanjung Tanah Arab.

Pembukaan dan pembebasan kawasan-kawasan baru oleh tentera-tentera Islam telah menyaksikan perkembangan terbaik di zaman khalifah Umar al-Khattab dan diteruskan lagi oleh para khalifah Umaiyyah dan Abbasiyah.

Pada bab ini juga, penyelidik membentangkan para pendokong awal ajaran sesat yang terdiri dari golongan atau puak-puak yang mendakwa sebagai pencari kebenaran asalnya. Mereka terdiri dari kalangan ahli tasawuf (*Wahdatul Wujud*), Batiniyah, Falsafah dan gerakan Anti Hadith.

Ajaran-ajaran sesat yang terdapat dalam lebaran sejarah mempunyai jenis dan bentuk tersendiri yang dikategorikan oleh para ulama sebagai ajaran baru atau *bid'ah*, *tariqat* dan *tasawuf*, kepercayaan dan amalan kuno serta gerakan anti hadith yang mempertikaikan kesahihan hadith dan kenabian baginda s.a.w.

Sudut-sudut kesesatan secara umum juga diterangkan dalam bab ini samada ianya melibatkan *aqidah* (*Itiqad*) atau *syari'at* (*ibadah*) atau kedua-duanya sekali. Ada di antara puak-puak yang sesat ini amat jauh terseleweng dan tersesat dari ajaran Islam sebenar samada pada sudut *aqidah* atau pun *syari'at*.

Akhirnya dalam bab ini akan diterangkan tentang teknik dan cara-cara mereka memikat mangsa. Mereka menggunakan jerat serta strategi yang amat licik sekali bagi menarik pengikut yang baru agar bersama-sama mereka.

### **Bab ketiga:**

Bab ketiga ini akan membentangkan ajaran-ajaran sesat yang terdapat di Malaysia sebagaimana maklumat yang diambil dari Pusat Islam Malaysia. Senarai ajaran-ajaraan sesat juga akan dipaparkan mengikut kategori negeri-negeri tertentu mengikut turutan masa dan kelahirannya.

Ajaran-ajaran sesat yang terdapat di Malaysia mengikut jenis-jenis tertentu pada kebiasaannya samada ianya berjenis tariqat, bid'ah, amalan kuno dan anti hadith. Sudut-sudut kesesatan umum juga tidak terlepas dari dua aspek utama iaitu "aqidah dan syari'at atau kesesatan yang merangkumi kedua-dua aspek sekali.

Motif serta tujuan penyebaran ajaran-ajaran sesat ini juga akan disingkap, samada ianya mengandungi kepentingan peribadi, golongan tertentu atau mewakili gerakan tertentu bagi menjatuhkan dan memusnahkan kesucian Islam.

Langkah-langkah mengatasinya juga akan diperjelaskan di akhir bab ini. Tentunya ia melibatkan semua pihak samada pihak berkuasa atau badan agama, anggota masyarakat setempat, pihak keselamatan dan individu tertentu.

### **Bab keempat:**

Bab ini merupakan kemuncak penyelidikan yang dilakukan kerana ianya akan mendedahkan sejarah perkembangan ajaran sesat yang terdapat di Hulu Besut yang menjadi tajuk utama penyelidikan ini. Penekanan akan diberikan kepada aspek kemunculannya di Hulu Besut.

Faktor-faktor pendorong kepada penyebaran ajaran ini juga merupakan bahan kajian yang penting. Ianya melibatkan berbagai-bagai faktor seperti guru yang bertindak sebagai sumber utama, masyarakat yang bertindak sebagai agen, sikap masyarakat sebagai bahan penyuburnya dan kelemahan pendidikan masa kini sebagai pencetus suasana meriah bagi kesesatan yang berleluasa.

Motif dan matlamatnya pengajaran serta penyebarannya juga akan cuba disingkap samada ianya mendokong kepentingan peribadi tertentu, puak tertentu, gerakan bawah tanah yang mempunyai niat amat jahat bagi melemah dan menjatuhkan Islam.

Maka, pada akhir bab ini juga akan dibentangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa samada keselamatan dan jabatan agama Islam dalam usaha membasmi dan mengatasi masalah kesesatan ini.

#### **Bab kelima:**

Merupakan bab terakhir dalam penyelidikan ini. Ianya mengandungi kesimpulan dari seluruh dapatan yang ada. Saranan juga merupakan sesuatu yang mesti dititik beratkan dalam sesebuah penyelidikan yang berkesan. Oleh yang demikian, penyelidik memuatkan beberapa saranan sebagai langkah untuk mengatasi masalah yang sekian lama dirasai oleh masyarakat yang prihatin. Saranan ditujukan kepada seluruh anggota masyarakat terutamanya pihak kerajaan yang berkuasa, orang awam dan para pendakwah dan alim "ulama".